

RETORIK DALAM DAKWAH NIK ABDUL AZIZ NIK MAT
RHETORIC IN PREACHING DA'WAH NIK ABDUL AZIZ NIK MATNurul Nadiah Zamri¹, Zulkefli Aini²¹ Pelajar Sarjana, Fakulti Pengajian Islam, UKM, nazawd_fiknan@yahoo.com.my² Pensyarah Kanan, UKM, zulaini@ukm.edu.my

* Penulis Penghubung

Artikel diterima: 16 Nov 2020

| Selepas Pembetulan: 12 Jan 2021

| Diterima untuk terbit: 30 Jan 2021

Abstrak

Pengucapan merupakan sebahagian dari komunikasi lisan yang penting untuk menyampaikan maklumat atau mesej. Oleh itu, seseorang pengucap perlu mempunyai disiplin dan cara komunikasi yang baik bagi menyalurkan idea, emosi, sikap, fakta dan cara memanipulasikan ucapannya mengikut kemampuan, kemahiran, kelebihan dengan cara tersendiri. Justeru itu, Penulisan ini bertujuan mengkaji tiga kaedah utama retorik pengucapan iaitu Logos, Ethos dan Pathos di dalam ucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat untuk melihat keberkesanan penyusunan retorik di dalam ucapan terhadap khalayak. Artikel ini membincangkan gaya ucapan yang berkesan dalam dakwah merujuk kepada ucapan retorik Nik Abdul Azizi Nik Mat. Artikel ini juga membincangkan disiplin teori retorik yang diterapkan dalam dakwah yang berkesan seperti Ethos, Pathos dan Logo. Kajian ini menggunakan metode kualitatif berbentuk deskriptif dan pengumpulan data melalui teks ucapan. Hasil kajian ini dapat dilihat melalui disiplin dan kecekapan berbahasa serta gaya bahasa yang digunakan untuk mempengaruhi khalayak.

Kata Kunci

Komunikasi dakwah, komunikasi lisan, pengucapan, Nik Abdul Aziz Nik Mat, retorik pengucapan

Abstract

Speech is an important part of verbal communication to convey information or messages. Therefore, a speaker needs to have good discipline and means of communication to channel ideas, emotions, attitudes, facts and how to manipulate his speech according to his ability, skills, advantages in his own way. Therefore, this writing aims to study the three main methods of rhetoric of speech, namely Logos, Ethos and Pathos in Nik Abdul Aziz Nik Mat's speech to see the effectiveness of rhetorical arrangement in speech to the audience. This article discusses an effective style of speech in da'wah in reference to the rhetorical speech of Nik Abdul Aziz Nik Mat. The article also discusses a discipline of rhetorical theory applied in an effective da'wah such as ethos, pathos and logos. This study uses qualitative methods in the form of descriptive and data collection through speech text. The results of this study can be seen through the discipline and language proficiency as well as the style of language used to influence the audience.

Keywords

Communication, rethoric communication, Nik Abdul Aziz Nik Mat, preaching da'wah

1.0 Pengenalan

Retorik secara umumnya adalah kajian tentang teknik pemakaian bahasa secara berkesan dalam penulisan atau pertuturan. Retorik juga dimaknai sebagai seni menggunakan atau memakai bahasa yang indah dan menarik untuk membujuk atau mempengaruhi pemikiran pendengar atau khalayak. Pengertian retorik yang digunakan dalam kajian ini bukanlah retorik yang menjadi fahaman umum sebagai sesuatu yang dinilai secara negatif atau sekadar kata-kata kosong yang di saluti dengan bahasa-bahasa yang indah. Kajian ini mementingkan elemen-elemen logos yang mempunyai penghujahan yang berasaskan kebenaran, fakta dan ilmu pengetahuan dan diperkukuhkan oleh ethos dan dan pathos (A'ishah Zaharah Ali 2007).

Istilah “retorik” pada pengertian popular dikaitkan dengan makna yang negatif, iaitu apa-apa yang dikatakan sebagai retorik kosong, iaitu ucapan yang muluk-muluk tanpa isi kandungan yang bernas. Pengertian ini sering dihubungkan dengan ahli politik atau mereka yang suka berjanji demi mendapatkan sesuatu tetapi tidak pernah menunaikannya (Lim Kim Kui, 2007).

Retorik secara ilmiah adalah mempunyai maksud yang sebaliknya. Retorik umumnya ialah kajian tentang teknik pemakaian bahasa secara berkesan dalam penulisan atau pertuturan. Selain itu, retorik juga diertikan sebagai seni menggunakan atau memakai bahasa yang indah dan menarik untuk memujuk atau mempengaruhi pemikiran pendengar (Jalaluddin Rakhmat 1999).

2.0 Pernyataan Masalah

Berdakwah merupakan tuntutan yang diwajibkan ke atas setiap manusia kerana tugas dan tanggungjawab yang di amanahkan oleh Allah S.W.T sebagai khalifah. Walaubagaimanapun, bagaimana cara seseorang itu menunaikan tanggungjawabnya adalah mengikut kemampuan, kemahiran, kelebihan dan cara yang tersendiri. Pengucapan merupakan satu kemahiran seseorang dalam menyampaikan risalah Allah untuk tujuan berdakwah.

Pengucapan merupakan sebahagian daripada cara komunikasi lisan yang penting bagi mencapai maklumat atau mesej. Oleh itu seseorang perucap akan dapat menyalurkan idea, emosi, sikap, fakta dan cara memanipulasikan komunikasi non-verbal dalam setiap pengucapan mereka. Seseorang pengucap dakwah yang bijak perlu mahir dengan ilmu retorik yang disusun dan diatur mengikut disiplin dan kehendak Islam. Retorik ialah disiplin mengenai kecekapan berbahasa bagi menemui dan menjelaskan kebenaran sehingga mampu mempengaruhi dan membentuk khalayak mengikut kehendak perucap.

Retorik lebih mementingkan seni pembujukan ketika berucap. Pembujukan digunakan bagi mempengaruhi khalayak agar memberi reaksi tertentu terhadap perkara yang disampaikan oleh perucap. Retorik menjadi satu komunikasi yang kompleks antara komunikator dengan khalayak melalui bahasa. Oleh itu penggunaan retorik mempunyai

beberapa amalan yang mendasarinya bagi memantapkan dan memastikan keberkesannya. Amalan tersebut dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu penjelasan(detiberatif), penghujahan(forensik) dan pengukuhan(epeidektif).

Penjelasan (deliberatif) melibatkan amalan penceritaan, penjelasan dan penghuraian sesuatu perkara yang hendak disampaikan tanpa membuat penilaian atau perbandingan. Biasanya ia digunakan untuk tujuan menyampaikan mesej tertentu seperti mesej kerajaan untuk difahami dan diamalkan oleh rakyat. Rancangan televisyen, radio dan laporan akhbar biasanya bersifat deliberatif. Penghujahan (*forensik*) pula merupakan pemakaian unsur-unsur perbandingan (*comparative*), penilaian (*evolution*) dan pemutusan (*judgement*) dalam setiap penghujahan yang diberikan dalam sesuatu penyampaian pendapat la bukan hanya melihat dari sudut positif, malah membenarkan pendapat dari sudut negatif. Ucapan (pidato), penulisan kritikan dan filem-filem biasanya menggunakan unsur-unsur penghujahan ini. Pengukuhan (epeidektif) mempunyai kaedah-kaedah pujian, tuduhan dan pernyataan sama ada sifat-sifat baik atau sifat-sifat buruk berdasarkan subjek. Penggunaan kaedah ini memerlukan pemilihan kata yang jelas dan terperinci agar tidak menyinggung mana-mana pihak. Ia biasanya digunakan dalam majlis penganugerahan, pemujaan dan penghargaan dan wacana ini mempunyai fungsi-fungsi pembujukan dan rangkaian *silogisme* yang disahkan. Walaubagaimanapun seseorang perucap yang bijak ialah perucap yang mampu mempersembahkan idea dan cara menarik minat khalayak terhadap ucapannya. Sesuatu komunikasi bertitik tolak dari keterampilan seseorang pengucap dalam melengkapkan diri dengan elemen-elemen asas retorik iaitu ethos, pathos dan logos. Elemen-elemen tersebut merupakan asas terpenting digunakan oleh pengucap dalam pengukuhan hujahnya.

Setiap ucapan tanpa retorik komunikasi akan kedengaran seperti mendatar. Bagi Aristotle retorik adalah kemampuan yang menentukan, dalam setiap situasi tertentu dan kaedah pembujukan yang tertentu. Istilah retorik pada pengertian popular dikaitkan dengan makna yang negatif, iaitu apa-apa yang dikatakan dengan retorik akan dikaitkan dengan retorik kosong iaitu ucapan tanpa dikaitkan dengan isi kandungan dan bukti yang bernas. Pengertian itu sering kali dikaitkan dengan ahli politik dan juga pengucap-pengucap awam ataupun mereka yang suka berjanji tetapi tidak pernah menunaikannya (Ahmad Zahid Hamidi 2004).

Pemimpin dunia seperti Adolf Hitler, Benitto Musolini, J.F Kennedy, Abraham Lincorn, Sukarno, dan beberapa pemimpin Islam iaitu Imam Syafie, Luqmanul Haqim dan ramai lagi yang dikategorikan sebagai pemedato yang berjaya dan dapat menyampaikan mesej dakwah, idea, visi atau transformasi kepada khalayak dengan berkesan melalui retorik komunikasi yang baik. Misalnya, Abraham Lincorn dengan kata-katanya "*Of the people, by the people, and by the people*" sudah sebatu dengan kita (Jeniri Amir 2006).

Justeru itu, Kajian ini memilih Nik Abdul Aziz Nik Mat kerana melihat kepada kelebihan dan keistemewaan beliau dalam menyampaikan dakwah. Setiap pengucapan dakwah atau pengucapan awam beliau dilihat pada sisi pandang yang tersusun, kemas dan berjaya. Beliau dikagumi kehebatannya di mata khalayak dan dikagumi ilmu dan sifatnya. Oleh itu, kajian ini adalah bagi merintis setiap elemen-elemen retorik yang digunakan dan diterapakan di dalam ucapannya di hadapan khalayak.

Retorik adalah kemampuan untuk menentukan dalam kejadian tertentu situasi tertentu, metode pembujukan yang ada. Penulis melihat elemen-elemen retorik dimiliki oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat dan di aplikasikan di dalam pengucapan dakwahnya.

3.0 Objektif Kajian

Secara ringkasnya kajian ini bertujuan :-

1. Menganalisis disiplin retorik yang diaplikasi dalam pengucapan dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat.
2. Mengkaji retorik komunikasi di dalam pengucapan dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat.

4.0 Metodologi Kajian

Penulisan ini menggunakan metod kualitatif yang membabitkan reka bentuk kajian kes iaitu membabitkan pembacaan yang rapi teks ucapan yang merupakan artifak kajian (Ahmad Munawwar 2012). Setiap teks ucapan dikaji melalui peringkat-peringkat setiap elemen-elemen retorik yang ada.

Terdapat 10 teks ucapan yang dikaji dalam kajian ini, yang diambil melalui ucapan-ucapan khas iaitu ucapan politik, ucapan dakwah dan kuliah di Medan Ilmu di kelantan pada setiap hari jumaat. ucapan-acapan yang dipilih berdasarkan populariti khalayak yang hadir mendengar ucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat. contohnya di medan ilmu pada setiap hari jumaat ribuan masyarakat hadir dari seluruh pelusuk negara malaysia untuk mendengar ucapannya (Ismail Yusof 2014)

Reka bentuk kajian adalah memahami dan mengkaji ucapan dan elemen retorik yang diaplikasi di dalamnya. Pendekatan ini dipilih kerana kesesuaian kajian yang menggunakan teknik pengumpulan data melalui analisis dokumen. (Rozmi Ismail 2015).

Kajian ini merujuk teks-teks ucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat sebagai sampel utama iaitu dikaji melalui dokumentasi-dokumentasi yang terpilih berdasarkan persoalan kajian dan objektif kajian. Bagi pengumpulan data, kajian ini menggunakan analisis dokumen terhadap teks ucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat yang berkaitan dengan penggunaan retorik komunikasi.

Data-data yang dikumpul dianalisis dan diproses dengan penelitian data secara terperinci, ringkasan dan susunan data dan dianalisis menggunakan kaedah deskriptif iaitu menganalisis data secara menyeluruh untuk mendapatkan data yang jelas untuk menghasilkan retorik komunikasi yang sempurna (Rozmi Ismail 2015)

5.0 Hasil Kajian Dan Perbincangan

5.1 Ethos

Teori ethos membawa maksud kepada potensi komunikasi atau karakter komunikan atau kreadibiliti komunikan. Ethos juga merujuk kepada nilai pembujukan penceramah atau pengucap itu sendiri sama ada dia seorang yang berwibawa atau tidak dan dipercayai atau sebaliknya. Kemampuan untuk tampil sebagai pembicara. Kualiti Ethos yang baik adalah terdiri daripada kecerdasan atau kecerdikan (*Intelligence*), baik hati

(*Benevolence*), jujur (*Probity*), berilmu, bermoral tinggi, berkeperibadian mulia, arif tentang perkara-perkara yang ingin disampaikan (Chamil Warya 2015).

Nik Abdul Aziz Nik Mat Nik Abdul Aziz Nik Mat mempunyai daya tarikan diri yang amat tinggi melalui perwatakannya yang amat sederhana, juhud dan mudah diterima khalayak. Cara yang diadaptasikan melalui ethos adalah dengan mengisytarkan bahawa beliau berpengalaman luas tentang sesuatu perkara yang diperkatakan dalam ucapan beliau. Sifat-sifat Nik Abdul Aziz Nik Mat Nik Abdul Aziz Nik Mat yang sangat berhati-hati dalam setiap kata-kata dan perlakuannya apabila di setiap tutur dan bicaranya di dalam ucapan dicontohkan sifat-sifat Nabi dan sunnah Nabi. Beliau juga menonjolkan keperibadian yang merendah diri dan selalu bercerita menggambarkan dirinya dala sesuatu perkara yang lebih difahami khalayak contohnya : “ kita orang kampong, khasnya orang melayu terbelakang benar dari segi ilmu, kita hanya tahu bertopok (tertumpu) pada hal feqah, tauhid, tafsir tapi tak tahu ilmu sejarah Nabi S.A.W (Mohd Nasir Awang 1991).

Nik Abdul Aziz Nik Mat Nik Abdul Aziz Nik Mat dikenali di seluruh masyarakat dan tempat sebagai satu idola yang sangat di sanjung tinggi jujur dan amanah dan mempunyai reputasi yang baik sehingga di beri amanah sebagai Menteri Besar Kelantan dan mendapat gelaran “Tok Guru” daripada masyarakat (Jamal Mohd Lokman 1999).

Melihat kepada kajian ini kaedah ethos ini adalah kaedah yang paling baik dan berkesan dalam pembujukan kerana sekiranya khalayak tidak memberikan penilaian yang baik terhadap karakter dan sifat peribadi pengucap atau kebolehpercayaan yang tinggi terhadap keperibadiannya, maka dengan sendirinya dua elemen kaedah yang lain akan dipandang rendah oleh khalayak (Chamil Warya 2015)

Seseorang pengucap dakwah akan tampil bersama-sama sejumlah imej dan identiti diri untuk dinilai oleh khalayaknya. Melalui ethos ini, khalayak memanipulasikan karakter fizikal, kewibawaan dan kreadibiliti perwatakan pengucap (Nor Raudah Siren 2000). Justeru itu, Penguasaan ethos yang baik oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat Nik Abdul Aziz Nik Mat meletakkan beliau sebagai pendakwah sangat terkenal dan meniti di bibir masyarakat serta mempunyai sejumlah pengikut dan pmdengar yang ramai di seluruh pelusuk dunia. populariti beliau dikenali di seluruh pelusuk dunia ini di buktikan melalui penerbitan buku-buku dan cakera padat yang melebihi 100 penerbitan. Puluhan vedio-vedio di media sosial dan you tube menjadikan kefasihahan dan keterampilan diri beliau dalam arena pengucapan dakwah ini sangat sinonim.

Nik Abdul Aziz Nik Mat terkenal dengan dakwahnya di khalayak yang mampu menarik sesiapa sahja di dalam dakwahnya. ceramahnya yang tidak kekeringan idea, mesej-mesej akhlak serta cerita-cerita dakwah yang mampu menjentik hati setiap orang yang mendengarnya. pemilihan tempat dan tajuk komunikasi yang baik dan sesuai dan bertepatan dengan kehendak khalyak mampu menarik khlayak mengikuti ceramahnya yang merangkumi pelbagai bidang iaitu kekeluargaan, akhlak, kepimpinan, perpaduan, politik, akidah dan permasalahan kehidupan serta amalan manusia.

Pengalaman Nik Abdul Aziz Nik Mat yang luas sebagai pendakwah di malaysia semakin menyemarakkan dunia dakwah dengan kelunakan bahasa yang lemah lembut serta keterampilan yang bersahaja tetapi meyakinkan pendengarnya. oleh itu,

keistemewaan dan populariti Nik Abdul Aziz Nik Mat di dalam masyarakat menjadi jambatan utam yang kukuh retorika antara pengucap dengan khalayak.

5.2 Pathos

Teori Pathos merujuk kepada rayuan emosi. Teori ini menyasarkan emosi khalayak iaitu sifat yang dianggap tidak rasional dalam diri manusia. Emosi yang dimaksudkan adalah mood dan keadaan minda dan keadaan khalayak ia terdorong dalam penggunaan gaya bahasa yang boleh membangkitkan emosi khalayak yang mendengar atau membaca ucapan (Chamil Warya 2015).

Nik Abdul Aziz Nik Mat sering menggunakan gaya bahasa atau analogi bagi membangkitkan emosi khalayak. Beliau seringkali dapat mempengaruhi khalayak dengan mnyentuh hati mereka dan membangkitkan emosi dan perasaan kasih, simpati, harapan dan semangat. Dalam ucapannya beliau seringkali menggunakan intonasi dan nada suara turun naik dan seimbang sesuai dengan keadaan khalayak. Seterusnya dengan menggunakan "*body language*" dan mimik muka yang menampakkan penghayatan beliau terhadap sesuatu perkara yang ingin disampaikan terhadap khalayak (Ismail Yusoff 2015).

Contohnya dalam kata-kata beliau : "*Usia ambo kini lebih 81 tahun, roh yang pergi pada malamnya jika tidak kembali....matilah ambo. Buatlah segala daya upaya untuk memenangkan Islam dimuka bumi ini sebelum pergi bertemu Allah*". Maka khalayak akan terpengaruh dengan apa juga mesej yang mahu disampaikan (Rashidi Abd.Rahman 2002).

Penguasaan Nik Abdul Aziz Nik Mat terhadap sifat rohaniah dan jasmaniah pada masyarakat merupakan keistemewaan diri yang dimiliki oleh beliau. Beliau berupaya menguasai emosi khalayak melalui unsur pathos dengan penggunaan entimen secara efektif seperti dalam ceramah beliau di medan ilmu pada setiap hari jumaat di negeri kelantan yang memberi kesedaran kepada rakyat di negeri itu kepada pembinaan sahsiah diri dan disiplin dalam kehidupan sehingga negeri itu digelar negeri Serambi Mekah. Hebatnya Nik Abdul Aziz Nik Mat sehingga apabila namanya disebut oleh khalayak hati mereka akan tersentuh dengan kejuhudan dan keluhuran budinya.

"Satu peristiwa yang diceritakan oleh seorang individu. Ketika itu dia dan kawan-kawan menyertai rombongan mengiringi Nik Abdul Aziz Nik Mat ke Birmingham dan bermalam di Coventry. Pada malam itu semua orang tidur dalam keadaan letih. Tanpa diduga, tidak lama menjelang subuh, Tuan Guru Nik Abdul Aziz (Nik Abdul Aziz Nik Mat) menggerak kami, memaklumkan yang beliau berqiamullail dan jika ada yang mahu bersama, beliau alu-alukan. Semasa bersarapan, saya bertanya kepada Tuan Guru, "bagaimana beliau boleh bangun berqiamullail walaupun berbeza waktu antara Malaysia dan UK. Adakah kerana jetlag, atau beliau tidak tidur sepanjang malam?" Tuan Guru menjawab dengan lebih kurang maksudnya, "satu-satu benda tu, apabila kita dah suka, kita pergi mana pun dia ikut kita" (Saiful Islam 2014).

Bagaimana seseorang pengucap memulakan ceramah, permasalahan isu yang dibawa sehinggalah kepada klimaks isu yang dibangkitkan menimbulkan keinsafan atau ketakjuban pendengarnya (Nor Raudah Siren, 2000). Penguasaan emosi di dalam pengucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat di bawa sejak dari awal pengucapan berkenaan

isu yang diujahkan di hadapan khalayak serta kebijaksanaan penguasaan emosi. Ucapan beliau terang berserta dengan perumpamaan yang jelas dan memudahkan para pendengar memahaminya. Inilah cara beliau mendapat tempat di hati penyokongnya. Ilmu yang disampaikan merupakan khazanah dan kesetnya tersiar di seluruh negara hingga ke Selatan Thailand dan mendapat sambutan dari setiap peringkat sehingga menjadi bahan rujukan di pusat pengajian tinggi (Hanan Mansor 2015).

5.3 Logos

Penggunaan logos (logik) adalah amat penting dalam membentangkan sesuatu hujah, bukti atau dalil dalam menjelaskan sesuatu perkara atau maklumat yang ingin disampaikan. Teori ini melibatkan rayuan rasional yang merujuk kepada pemghujahan yang logik yang dinilai melalui struktur retorik, teknik retorik dan dalil-dalil yang dikemukakan dala ucapan sama ada deliberatif, judisidal atau epidetik (Chamil Warya 2015).

Kajian ini mendapati Nik Abdul Aziz Nik Mat Nik Abdul Aziz Nik Mat berhujah dengan menggunakan ayat-ayat Al-Quran Dan Hadith yang menjadi bukti kukuh dan tepat di dalam setiap permasalahan yang disampaikan. Nik Abdul Aziz Nik Mat Nik Abdul Aziz Nik Mat juga mempunyai pengetahuan yang luas dan berpengalaman luas dalam segenap bidang seperti ekonomi, politik, social dan isu-isu semasa sains dan teknologi. Selain itu beliau sering menggunakan perumpamaan, perbandingan yang indah dan tepat dan sesuai dengn situasi khalayak sewaktu berucap. Contoh-contoh yang dibawa sering berkisarkan keadaan khalayak supaya mereka lebih memahami dan menerima ucapannya (Jamal Mohd Lokman 1999).

Prinsip Logos yang digunakan oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat amat jelas dan memberi gambaran dan situasi kepada topik ceramahnya sehingga pendengar mampu memahami semua rangkaian hujahan, alasan dan kaedah pengucapannya. Segala kaedah Logos yang dipilih oleh Nik Abdul Aziz Nik Mat menjadi pendokong kepada kemantapan akal nya yang selari dengan realiti kehidupan tanpa ada sifat kesongsangan dalam pemikirannya. Malah pengaruh terhadap akal yang dimiliki turut cuba dibawa untuk mempengaruhi akal fikiran pendengarnya untuk menerima setiap percontohan, hujahan dan perbidalannya.

"Saya hanya boleh memberi nasihat, terpulang kepada mereka untuk terima atau tidak kerana masing-masing bukan lagi anak kecil yang boleh dirotan. Menyerang peribadi bukan kehendak Islam tetapi tindakan sendiri. Allah sendiri melarang kita memaki orang yang menyembah berhala, sebaliknya perlu diberi penjelasan mengenai kesilapan amalannya," katanya.

Kata-kata di atas jelas mempengaruhi khalayak tiada paksaan dalam dakwahnya, jika orang mahu mengambilnya sebagai manfaat silakan dan jika tidak mahu tidak mengapa. Perbuatan menyerang peribadi dan memaki hamun bagi meraih sokongan sebenarnya tidak melambang keperibadian seorang pemimpin Islam, sebaliknya sikap buruk dan panas baran individu itu sendiri (Ismail Yusof 2015).

Dalam petikan ucapan Nik Abdul Aziz Nik Mat yang menjelaskan bab aqidah beliau membahaskan keterangan wahabi yang mengatakan bahawa Allah menciptakan manusia berupa wajahnya, mereka berkata : "Allah mempunyai zat yang berbentuk"

(*'Aqidah Ahlul Iman fi Khalqi Adam 'ala Shurati al-Rahman, Mahmud al-Tuwaijiri, Darul Liwa' Riyadh*). Pemimpin Wahhabi (Ibnu Baz) mengatakan : "Penafian jisim dan anggota bagi Allah adalah sesuatu yang dicela" (*'Tanbihat fi Rod 'ala Man Taawwal Sifat' , Ibnu Baz, Riasah Ammah Lilifta*). Nik Abdul Aziz Nik Mat Nik Abdul Aziz menjelaskan dalam ucapannya "kerana selama ni kito kiro tuhe ni dok atah langit, buke dok atah langit tapi sebak tuhe ni bendo besa, jadi denge sebab Allah ta'ala ni ye lebih bghego (berharga) ye lebih besar lebih segalo-galo, mako sudoh tentu dale palo kito ni tuhe dok datah (di atas).

Nik Abdul Aziz Nik Mat menggunakan gaya bahasa (loghat) dan penyampaian yang mudah di fahami oleh khalayak . Dengan menggunakan kaedah logos ini dengan baik dan pembuktian yang jelas dan mudah difahami oleh khalayak serta menjadi salah satu faktor kejayaan Nik Abdul Aziz Nik Mat dalam arena dakwahnya contohnya :

Antara ucapannya "Seekor haiwan tidak akan peduli tentang halal dan haram makanan yang ditelannya. Ia tidak peduli kebun atau harta orang kerana halal haram bukan satu persoalan baginya. Berbeza dengan manusia, halal dan haram merupakan satu persoalan yang perlu difikir sebelum makan atau melakukan sesuatu. Jika tidak, seorang manusia itu samalah tarafnya dengan haiwan".

"Saya ingin bertanya kepada orang yang konon-kononnya membela Melayu, sampai ke mana mereka nak bela Melayu? kalau setakat di dunia, apakah nasib Melayu itu selepas meninggal dunia? Kalau kita menghidupkan Islam di kalangan orang Melayu dan bukan Melayu, bukan setakat di dunia mereka selamat, bahkan selepas mati hingga ke Syurga mereka akan selamat"

"Jika kita nak pergi ke kuala lumpur, kena cari pemandu yang tahu jalan nak gi ke kuala lumpur. jika pemandu yang kita tumpang tu hanya tahu jalan sampai gua musang, kita takkan sampai ke kuala lumpur dan terpaksa turun dan tumpang kenderaan lain. Demikianlah juga dengan pemimpin, kita kena cari pemimpin yang tahu jalan ke akhirat. jika hanya tahu setakat dunia sahaja, bagaimana kita mahu meneruskan jalan ke akhirat?" Walaubagaimanapun, Nik Abdul Aziz Nik Mat seringkali menggunakan ayat-ayat yang mudah difahami khalayak dan mudah diterima serta menyentuh hati khalayak. sebagai pendakwah yang bijak Nik Abdul Aziz Nik Mat pandai bermain dengan pemikiran khalayak.

6.0 Kesimpulan

Pengucapan dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat dapat dilihat dari tiga elemen retorika pengucapan yang mampu memenuhi konsep asas komunikasi retorik yang diperlukan dalam menghasilkan sesuatu komunikasi atau pengucapan yang mantap dan berkesan. Keupayaan beliau mengaplikasi dan memanipulasikan elemen retorik ini berupaya menghasilkan impak yang tinggi di dalam usaha dakwahnya terhadap masyarakat Islam dan bukan Islam. Kelebihan ini merupakan kemahiran yang jarang dimiliki oleh semua orang tetapi masih boleh mempelajari dan dipraktikkan mengikut cara tersendiri. Bidang komunikasi dakwah ini tidak menentukan cara bagaimana kita berdakwah tetapi menentukan bagaimana penerimaan khalayak terhadap dakwah kita.

Pengucapan dakwah Nik Abdul Aziz Nik Mat apabila dilihat dari tiga aspek retorika pengucapan ini mampu memenuhi konsep asas komunikasi retorik yang diperlukan dalam menghasilkan pengucapan yang berkesan dan mantap.Keupayaan beliau

memanipulasikan ilmu retorik ini berupaya menghasilkan kesan dan impak yang baik dalam usaha dakwahnya terhadap masyarakat Islam. Kelebihan seumpama ini merupakan kemahiran yang bukan dimiliki oleh semua orang tetapi masih boleh dipelajari dan dipraktikkan mengikut cara tersendiri seseorang pengucap terutama dalam pengucapan dakwah Islam.

RUJUKAN

A'ishah Zaharah Ali. (2007). Retorik dalam ucapan. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.

Ahmad Zahid Hamidi. (2004). Pidato politik: menjadana kredibiliti mendepani khalayak. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

Asep Syamsul M. Romli. (2013). Komunikasi Dakwah Pendekatan Dan Praktis . Batic Press, Bandung.

Chamil Wariya. (2014). Strategi Pemujukan Najib Razak Dalam Komunikasi Politik. Pusat Penerbitan Dan Percetakan UM.

Hashim Fauzy Yaacob. (2001). Komunikasi Antara Manusia. Skudai : Penerbit Univerditi Teknologi Malaysia.

Jalaluddin Rakhmat. (1999). Retorika modern: pendekatan praktis. Bandung: Penerbit PT Remaja Rosdakarta.

Jamal Mohd Lokman. (1999). Biografi Tuan Guru Dato' Haji Nik Abdul Aziz. Selangor: SULFA Human Resources & Development

Jamaludin Badushah, Syofia Ulfah Dan Zamri Mohamad. (2015). Komunikasi Interpersonal Teori Dan Amali. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

Lim Kim Kui. (2007). Retorik ketakutan dan bahasa politik Amerika. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Mohd Nasir Awang. (1991). Haji Nik Abdul Aziz Nik Mat: inspirasi kebangkitan ummah Serambi Mekah. Kota Bharu: Urusetia Penerangan Kerajaan Negeri Kelantan .

Mohd Nazeli Ahmad Arifin. (2014). Mutiara-Mutiara Dakwah Ustaz Yahya Othman. HM Jalaludin Vinlin Press.

Mohd Zain Abdullah. (2009). Retorik Pengucapan Khutbah Jumaat Di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur. Tesis , Universiti Malaya.

Nasruddin Yunos. (2002). Konsep Komunikasi Dan Peranannya Dalam Pembinaan Peradaban Islam. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

Noor Azam Mahat. (1997). Bahasa Dalam Uslub Dakwah: Analisis Wacana Khutbah Dari Perspektif Retorik. Latihan Ilmiah. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.

- Nor Raudah Hj. Siren. (2013). Retorik Penulisan Dakwah. Penerbit FPI Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Rasid Mail dan Raman Noordin. (2014). Penyelidikan Peringkat Sarjana Pendekatan Kualitatif Sebagai Alternatif, Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Riduan Mohd Nor. (2012). Ustaz Azhar Idrus Daie Sejuta Umat. Kuala Lumpur : Jundi Resources.
- Rosmawati Mohamad Rasit, Zulkefli Aini Dan Mohamad Faisal Ashaari. (2015). Strategi Pengucapan Dakwah. Penerbit FPI Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Saifulamri M. Hussain. (2015). Kias Pesan Murabbi Agung. Selangor: kemilau publika sdn. Bhd.
- Siti Rogayak Tibek. (2005). Seni Dan Teknik pengucapan Politik. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Syed Arabi Idid. (1998). Kaedah Penyelidikan Komunikasi Dan Sains sosial. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.